

BN berpengalaman tegakkan keamanan

Majukan negara amalalan kami: PM

21 JUL 1986

RAUB, Selasa — Usaha menyatupadukan rakyat untuk menegakkan keadilan, kesejahteraan dan keamanan hanya boleh dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional, dan bukan oleh parti-parti lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, Barisan Nasional selaku teraju kerajaan sejak merdeka berjaya melakukan apa yang sekarang baru sahaja hendak diperjuangkan oleh Pas dan parti-parti lain yang menentang BN dalam pilihanraya umum 2 dan 3 Ogos ini.

Oleh AHMAD TALIB

Beliau berkata demikian ketika melancarkan projek perumahan kos rendah di Taman Bukit Koman di sini. Taman Bukit Koman mengandungi 1,200 unit rumah yang dikendalikan secara pengswastan oleh Syarikat Kemajuan Perumahan Negara Sdn Bhd.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Usaha membangunkan negara bukanlah satu perkara asing atau baru bagi kami dalam Barisan Nasional. Usaha ini sudah kami lakukan dengan gigih dan penuh semangat kesedaran seperti yang tercatat dalam manifesto kami. BN mempunyai konsep *Tradisi Membela Rakyat*.

"Keteguhan kerajaan BN juga menyebabkan kita berjaya menghasilkan keamanan negara yang sekaligus memberi pelbagai faedah sosioekonomi.

Oleh yang demikian, rakyat harus sentiasa berwaspada terhadap tanduk parti-parti pembangkang yang membuat bermacam janji semamata untuk memancing undi, tidak lebih daripada itu," katanya.

Perdana Menteri, yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berlepas dengan helikopter dari Kuala Lumpur dan disambut oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak. Rombongan itu kemudian diiringi oleh penunggang motosikal penyokong BN ke tapak projek Taman Bukit Koman.

Ikhlas

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, parti-parti komponen BN mentadbir negara dengan rasa tanggungjawab yang ikhlas dan sebarang masalah antara parti diselesaikan secara rundingan, bukan dengan konfrontasi. Musyawarah dalam BN terbukti berkesan, dan ini membolehkan kerajaan memaju-

kan negara tanpa sebarang rasa curiga.

Katanya, kejayaan BN dipandang serong oleh parti-parti lawan sehingga ada yang mendakwa kerajaan hari ini tidak dapat menegakkan keadilan sosial. Beliau menyangkal dakwaan itu sebagai satu tuduhan liar yang tidak berasas.

"Saya tidak faham mengapa ada pemimpin pembangkang yang berkata BN tidak mewujudkan keadilan sosial. Kalau kerajaan hari ini gagal mewujudkan keadilan sosial, masakan rakyat negara ini boleh hidup aman damai," katanya.

Beliau menyentuh peristiwa berdarah Memali yang meragut 18 nyawa akhir tahun lalu. Kampung Memali di Kedah tidak mengenai kekecohan sehingga Pas mula mencari pengaruh di daerah itu. Sebahagian penduduk Memali menjadi ganas hanya setelah Pas meracuni pemikiran mereka menyebabkan mereka bertindak liar dan mengancam keamanan.